

## **TERMA DAN SYARAT PENGUSAHA OMC**

Terima kasih kerana memilih perkhidmatan kami!

Sila baca dan faham Terma dan Syarat Pengusaha OMC berikut yang akan digunapakai sebagai peraturan untuk Mengakses dan penggunaan khidmat kami.

Jika pihak anda tidak bersetuju sebahagian atau keseluruhan Terma dan Syarat Pengusaha OMC pada bila-bila masa, anda boleh memberhentikan dengan membatalkan khidmat yang kami sediakan serta merta.

### **1. PERIHAL PERKHIDMATAN**

- 1.1 Anda bertanggungjawab penuh dengan isi kandungan produk yang disenaraikan. (termasuk penerangan produk., harga, caj/yuran, sebarang cukai terlibat, pernyataan perundangan wajib dan sebarang tawaran atau promosi)
- 1.2 Anda bertanggungjawab untuk mempamerkan maklumat perniagaan, produk, promosi, ulasan, polisi privasi atau terma dan syarat lain yang dikenakan untuk tujuan berinteraksi dengan pengguna kami. Pihak kami tidak akan terikat dengan syarat yang dikenakan kepada pengguna oleh pihak anda dan ia mestilah tidak bertentangan dengan Terma dan Syarat Pengusaha OMC ini atau mana-mana terma atau polisi kami yang berkaitan.
- 1.3 Anda memberi keizinan yang tidak eksklusif, boleh dipindahkan, disub-lesen, bebas royalti, pengendalian antarabangsa, menggunakan, mengedarkan, mengubah, menjalankan, menyalin, tujuan persembahan umum, menterjemah dan menerbitkan secara kreatif atas mana-mana data, isi dan informasi lain yang disediakan pihak anda atau yang boleh diakses kami melalui fungsi perdagangan pengusaha, termasuk foto, video dan isi kandungan produk yang disenaraikan, yang berkait dengan produk-produk.

### **2. INTEPRETASI**

#### **2.1 “Perjanjian” atau “Perjanjian Pengusaha”**

Secara kolektifnya bermaksud: -

- (a) Terma dan Syarat Pengusaha ini/ Terma Pengusaha
- (b) Borang Pendaftaran Pengusaha;
- (c) Borang ‘Onboarding’ Pengusaha; dan
- (d) Lain-lain borang berkaitan, jadual, dan/atau lampiran tambahan.

#### **2.2 “Pihak Berkuasa Berkaitan”**

Bermaksud: -

- (a) Kerajaan Persekutuan Malaysia,
- (b) Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan,
- (c) Agensi, penguatkuasa atau any agency, authority or mana-mana badan yang berikut, mahkamah, tribunal, jabatan, biro, suruhanjaya atau Lembaga, atau,
- (d) Pihak berkuasa yang berkaitan di luar negara, jika berkenaan.

### 2.3 *"Maklumat Sulit"*

Bermaksud: -

- (a) Sebarang maklumat, bertulis atau dalam bentuk lain, yang telah diberikan oleh satu pihak dan diterima oleh satu pihak secara sulit; dan
- (b) Sebarang maklumat, bertulis atau dalam bentuk lain, yang telah diberikan oleh satu pihak dan diterima oleh satu pihak yang bersifat boleh dianggap sulit yang telah sama ada didedahkan atau tidak kepada pihak lain didalam perjanjian, terikat dengan perjanjian atau berkait dengan perjanjian.; atau yang disediakan oleh pihak penerima sepanjang tempoh perjanjian (tanpa mengambil kira ternyata perkataan "Sulit"). Maklumat tersebut termasuk laporan pembayaran, data peribadi, maklumat pelanggan, transaksi, Borang 'Onboarding' Pengusaha, caj dan bayaran, jadual pembayaran, Borang Perubahan Pengusaha, notis perubahan kadar Pengusaha, rahsia perdagangan dan maklumat sensitif perniagaan.

### 2.4 *"Borang Pendaftaran Pengusaha"*

Borang yang disediakan oleh kami dan boleh didapati di laman web OMC dan dilengkapkan oleh anda untuk memenuhi keperluan polisi "Know Your Customer"(KYC) kami. Ini membolehkan kami menilai permohonan dan kesesuaian perniagaan anda menerima perkhidmatan kami.

### 2.5 *"Borang 'Onboarding' Pengusaha"*

Borang 'Onboarding' kami menyenaraikan perkhidmatan yang dilanggan, maklumat tambahan, dan terma dan syarat tambahan.

### 2.6 *"Borang Perubahan Pengusaha"*

Borang ini disediakan pihak kami untuk anda mengemaskini butiran dan informasi dan/atau melanggan perkhidmatan tambahan.

### 2.7 *"Data Pribadi"*

Mempunyai maksud dan interpretasi yang sama dengan PDPA.

### 2.8 *"PDPA"*

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan ia termasuk perundangan subsidiari, piawaian dan kod amalan.

### 2.9 *"Platform"*

Merujuk kepada laman web OMC, aplikasi OMC, media sosial kami, dan/atau mana-mana platform berkaitan (diketahui kini atau pada masa depan) yang disediakan kami dari semasa ke semasa dengan tujuan menyediakan perkhidmatan kepada anda..

### 2.10 *"Bahan Promosi"*

Merujuk kepada kain rentang, risalah, nama dan rekabentuk yang diluluskan oleh kami dan disediakan pihak anda dari semasa ke semasa.

### 2.11 *"Perkhidmatan"*

Secara kolektifnya bermaksud perkhidmatan yang disediakan kami untuk anda , termasuk mempamerkan informasi perniagaan anda, produk dan mempromosikan perniagaan anda di platform kami, dan/atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh kami dan dilanggan oleh pihak anda.

2.12 *“Tarikh Mula Perkhidmatan”*

Merujuk kepada tarikh perkhidmatan mula disediakan kepada anda dan perkhidmatan dalam keadaan bersedia dan boleh digunakan, sama ada digunakan atau tidak oleh pihak anda.

2.13 *“Anda”*

Merujuk kepada sebuah entiti berbentuk, termasuk tetapi tidak terbatas, kepunyaan tunggal, perkongsian, badan korporat atau badan kerajaan dan agensi, diperbadanan di bawah undang-undang Malaysia, yang melanggan perkhidmatan sebagai Pengusaha, seperti yang dinyatakan di dalam Borang Pendaftaran Pengusaha dan Borang ‘Onboarding’ Pengusaha.

**3. PEMOHONAN DAN KEDUDUKAN KREDIT ANDA**

3.1 Perkhidmatan kami hanya boleh dipohon oleh perniagaan yang berjalan dan beroperasi di Malaysia, atau pemohon merupakan penduduk di Malaysia.

3.2 Apabila Borang Pendaftaran Pengusaha dihantar, anda memohon untuk kami menyediakan perkhidmatan kepada anda. Pemohonan anda tertakluk kepada kelulusan kami dan kami mempunyai kuasa penuh untuk menilai kelayakan anda dan kami juga mempunyai hak untuk menolak pemohonan anda atau/dan tidak memberikan perkhidmatan kepada anda, pada bila-bila masa, tanpa liabiliti, walaupun tanpa dinyatakan sebarang alasan. Keputusan kami adalah muktamad. Anda tidak boleh mempersoalkan atau mengambil sebarang tindakan atas keputusan kami.

**4. TARIKH MULA, TEMPOH DAN KEUTAMAAN**

4.1 Perjanjian bermula apabila perkara-perkara ini berlaku, mana-mana yang dahulu:-

- (a) Perlaksanaan Borang ‘Onboarding’ Pengusaha OMC,
- (b) Bermula tarikh bermula perkhidmatan, atau,
- (c) Apabila anda menggunakan perkhidmatan kami.

Apabila mana-mana perkara ini berlaku, kami menganggap anda bersetuju untuk mematuhi perjanjian Pengusaha kami dan akan berterusan sehingga pembatalan dibuat seperti dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Pengusaha OMC.

4.2 *Permulaan Perkhidmatan*

Kami akan menyediakan perkhidmatan dari Tarikh Mula Perkhidmatan, sehingga pembatalan dibuat seperti dinyatakan dalam perjanjian.

4.3 *Tempoh Masa*

Perjanjian ini tidak mempunyai sebarang tempoh yang ditetapkan. Kami akan menyediakan perkhidmatan ini tanpa bersandarkan sebarang tempoh masa tetapi sehingga pembatalan dibuat seperti dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Pengusaha OMC.

Sila hubungi Khimat Pelanggan kami jika terdapat sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan Terma dan Syarat Pengusaha ini